



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

JANGAN TINGGALKAN SEMBAHYANG JUMAAT KECUALI TERDAPAT KEUZURAN

(Dengan na`ma Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu `alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Sembahyang Jumaat merupakan ibadat yang sangat agung dan mempunyai fadhilat yang banyak. Antaranya ialah sebagai penghapus dosa dalam setiap minggu. Daripada Abu Hurairah *Radhiallahu `anhu*, bahawa Rasulullah *Shallallahu `alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “*(Sembahyang) Jumaat hingga ke Jumaat (seterusnya) adalah penebus dosa di antara keduanya selama mana tidak dilakukan dosa-dosa besar.*”

(Hadits riwayat Ibnu Majah)

Hari Jumaat juga adalah hari yang paling agung daripada hari-hari yang lain, sehinggakan keagungannya disebutkan dalam sebuah hadits bahawa hari Jumaat adalah lebih baik daripada Hari Raya Adha dan Hari Raya Fitri. Daripada Abu Lubabah bin Abdul Mundzir *Radhiallahu `anhu*, meriwayatkan bahawa Nabi *Shallallahu `alaihi wasallam* bersabda:

...

()

Maksudnya: “*Sesungguhnya hari Jumaat ialah kepala sekalian hari dan hari yang terbesar di sisi Allah, dan ia lebih besar di sisi Allah daripada Hari Raya Adha dan Hari Raya Fitri...*”

(Hadits riwayat Ibnu Majah dan al-Baihaqi)

Kewajipan Sembahyang Jumaat

Mengerjakan sembahyang Jumaat adalah wajib dan kewajipan mengerjakannya ada disebutkan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di dalam al-Qur'an, sebagaimana firmanNya:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا
الْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

(9 :)

Tafsirnya: “*Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).*”

(Surah al-Jumu'ah: Ayat 9)

Oleh itu, sesiapa yang meninggalkan sembahyang Jumaat tanpa ada uzur syar'i hukumnya adalah berdosa besar, apatah lagi jika meninggalkannya tiga kali berturut-turut, hatinya akan dicapkan oleh Allah sebagai hati orang munafiq. Abu al-Ja'di adh-Dhamriy *Radhiallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “Sesiapa yang meninggalkan Jumaat tiga kali nescaya Allah akan mencap hatinya, dan (Allah) menjadikan hatinya itu seperti hati orang munafiq.”

(Hadits riwayat Ibnu Khuzaimah)

Keuzuran yang mengharuskan meninggalkan sembahyang Jumaat

Sekalipun sembahyang Jumaat itu hukumnya wajib, tetapi adakalanya seseorang itu diharuskan meninggalkan sembahyang Jumaat jika terdapat keuzuran yang diharuskan oleh syara'. Antara keuzuran syar'i itu ialah:

1. Sakit yang menghalangi untuk pergi sembahyang berjemaah ke masjid, sama ada jika dia pergi ke masjid akan menambahkan lagi sakit itu atau melambatkan sembuh. Begitu juga sakit cirit birit kerana takut akan mencemarkan kebersihan masjid. Adapun sakit biasa seperti sakit kepala, gigi dan demam ringan tidaklah dikira sebagai uzur yang mengharuskan tidak bersembahyang Jumaat.
2. Orang musafir yang sedang dalam pelayaran yang diharuskan, selama mana dia tidak berniat untuk bermuqim atau menetap pada sesuatu tempat dalam tempoh empat hari atau lebih.

()

Maksudnya: “Tidak wajib Jumaat ke atas orang musafir.”

(Hadits riwayat al-Baihaqi)

Akan tetapi bagi orang yang baru hendak memulakan pelayarannya pada hari Jumaat sebelum tergelincir matahari, tidak harus bagi mereka meninggalkan sembahyang Jumaat. Waktu sebelum tergelincir matahari itu ialah bermula setelah masuk waktu Subuh. Begitu juga bagi orang yang belayar selepas tergelincir matahari.

3. Orang yang dipenjara (dikurung). Orang seperti ini dianggap sebagai orang yang mempunyai keuzuran. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وُسْعَهَا إِلَّا نَفْسًا اللَّهُ يُكَلِّفُ لَا

(286 :)

Tafsirnya: “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.”

(*Surah al-Baqarah: ayat 286*)

4. Sibuk kerana menguruskan mayat yang ditakuti jika dilambatkan akan menyebabkan mayat menjadi busuk. Tidaklah disyaratkan orang yang menguruskan jenazah itu terdiri daripada ahli keluarganya seperti anaknya dan saudaranya. Adapun orang yang hadir, selain daripada orang yang menguruskan jenazah itu, bukanlah dikira orang yang mempunyai keuzuran untuk meninggalkan sembahyang Jumaat.

Bagi orang yang ada keuzuran yang menyebabkannya tidak wajib menunaikan sembahyang Jumaat baginya sama ada untuk menunaikan sembahyang Zuhur ataupun sembahyang Jumaat. Jika dia bersembahyang Jumaat, maka sembahyang Jumaat sudah memadai, dia tidak perlu lagi untuk bersembahyang Zuhur.

Adalah disunatkan bagi orang yang menyangkakan keuzurannya meninggalkan Jumaat itu akan hilang supaya melambatkan sembahyang Zuhur sehingga ia berputus harapan untuk pergi ke masjid mengerjakan sembahyang Jumaat kerana keuzurannya itu boleh hilang dan dia dapat menunaikan sembahyang Jumaat itu. Walau bagaimanapun jika dia mengerjakan sembahyang Zuhor pada awal waktu kemudian hilang keuzurannya tidaklah wajib baginya sembahyang Jumaat walaupun masih ada waktu untuk mengerjakan sembahyang Jumaat.

Adapun jika dia menyangkakan yang keuzurannya itu tidak akan hilang maka disunatkan baginya untuk bersegera mengerjakan sembahyang Zuhur demi mencapai fadhilat sembahyang pada awal waktu. Jika orang yang ada keuzuran itu telah mengerjakan sembahyang Zuhor kemudian dia mengerjakan sembahyang Jumaat lagi, maka sembahyang fardhu yang dituntut ke atasnya sudah tertunai dengan sembahyang Zuhurnya, manakala sembahyang Jumaat adalah sebagai sembahyang sunat baginya.

Daripada penjelasan di atas, sembahyang Jumaat adalah merupakan satu kewajipan yang tidak dapat ditinggalkan, dan disebutkan dalam beberapa buah hadits bahawa sesiapa yang meninggalkan sembahyang Jumaat tiga kali nescaya Allah akan mencap hatinya itu seperti hati orang munafiq. Hanya orang-orang yang mempunyai keuzuran sahaja boleh meninggalkan sembahyang Jumaat itu. Oleh itu, ingatlah bahawa sembahyang Jumaat tidak boleh ditinggalkan melainkan jika ada keuzuran.